



فرتوبوهن كبغسان ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

KENYATAAN MEDIA

PENGUNDURAN DIRI ORANG KAYA-KAYA IMAM PADUKA TUAN, ORANG BESAR DELAPAN NEGERI PERAK

Saya menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah yang penuh hikmah dan bijaksana menerima pengunduran diri Datuk Dr. Afifi Al-Akiti daripada jawatan Orang Kaya-kaya Imam Paduka Tuan sebagai Orang Besar Delapan Perak dan Ahli Dewan Negara Perak, ekoran tularnya rakaman kontroversi yang membabitkan Dr. Afifi.

Perkenan Tuanku menerima pengunduran diri Dr. Afifi tersebut, bagi memastikan Institusi Raja Melayu Perak dan Institusi Islam tidak diheret sama dalam kontroversi yang membabitkan tokoh berkenaan.

Tambahan pula, jawatan yang disandang memberikan natijah langsung kepada Ke Bawah Duli Tuanku yang sentiasa memuliakan soal adab dan susila.

Saya berharap perkenan Ke Bawah Duli Tuanku ini akan menghentikan sebarang cubaan untuk memalitkan Institusi Beraja atas ketelanjuran pihak yang sepatutnya memelihara nama baik dan kemuliaan Islam dan Raja.

Bagi pihak UMNO, parti yang meletakkan Islam dan Raja sebagai Institusi yang perlu dibentengi, saya yakin perkenan Ke Bawah Duli Tuanku itu adalah bukti caknannya Ke Bawah Duli Tuanku akan perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti hidup rakyat beraja dan beragama di negara ini.

AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

18 Mei 2022

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tel: 03-40429511 Fax: 03-40412358

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : www.umno-online.com | e-Mel: info@umno.org.my